



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

KSSM

KSSM

Kementerian Pendidikan Malaysia  
Bahagian Pembangunan Kurikulum

KSSM

KSSM





# **Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)**

Kementerian Pendidikan Malaysia  
Bahagian Pembangunan Kurikulum

Terbitan Mac 2016  
© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam sebarang bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya, MALAYSIA.

ISBN: 978-967-420-092-3

Terbitan:  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8, Blok E9,  
Kompleks Kerajaan Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya

# K A N D U N G A N

<b>SENARAI JADUAL</b>	v
<b>SENARAI RAJAH</b>	vii
<b>RUKUN NEGARA</b>	viii
<b>FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN</b>	ix
<b>KURIKULUM KEBANGSAAN</b>	x
<b>KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA</b>	xi
<b>KATA ALU-ALUAN PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM</b>	xii
<b>BAB 1 TRANSFORMASI KURIKULUM</b>	
1.1 Latar belakang	3
1.2 Teras Pembangunan Kurikulum	7
1.3 Prinsip Kurikulum Sekolah Menengah	9
<b>BAB 2 REKA BENTUK KURIKULUM</b>	
1.1 Asas Kerangka Kurikulum	13
1.2 Kurikulum Berasaskan Standard	15
1.3 Organisasi Kurikulum	16
<b>BAB 3 KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI</b>	39
<b>BAB 4 ELEMEN MERENTAS KURIKULUM</b>	47
<b>BAB 5 STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN</b>	
5.1 Prinsip dan Proses Pengajaran dan Pembelajaran	53
5.1 Pelbagai Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	54
<b>BAB 6 PENTAKSIRAN SEKOLAH</b>	
6.1 Tujuan Pentaksiran Sekolah	63
6.2 Kepentingan Pentaksiran Sekolah	64

6.3	Perekodan dan Pelaporan Pentaksiran Sekolah	65
<b>BAB 7</b>	<b>PENGURUSAN KURIKULUM</b>	
7.1	Perancangan	69
7.2	Pelaksanaan	71
7.3	Pemantauan Pelaksanaan Kurikulum	78
	<b>PENUTUP</b>	81
	<b>RUJUKAN</b>	85

## SENARAI JADUAL

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
1	Perbezaan KBSM dan KSSM	5
2	Definisi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi	15
3	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu KSSM (Tingkatan 1, 2 dan 3)	17
4	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu KSSM (Tingkatan 4 dan 5)	18
5	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu Elektif Bahasa	19
6	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu Elektif STEM	20
7	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu Elektif Pengajian Islam	20
8	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu Elektif Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas	21
9	Kumpulan Mata Pelajaran Elektif Menengah Atas	22
10	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu di Sekolah Seni Malaysia (Tingkatan 1, 2 dan 3)	23
11	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu di Sekolah Seni Malaysia (Tingkatan 4 dan 5)	24
12	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Pendidikan Khas (Kefungsian Sederhana)	26
13	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kemahiran Vokasional KSSM Pendidikan Khas	27
14	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Pendidikan Khas (Kefungsian Rendah)	28

15	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Menengah Rendah	29
16	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Menengah Atas	30
17	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Menengah Atas (Dini Sastera)	31
18	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Menengah Atas (Dini Sains)	32
19	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Menengah Rendah	33
20	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Menengah Atas (Tahfiz Agama)	34
21	Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Menengah Atas (Tahfiz Sains)	35
22	Tahap Pemikiran	39
23	Profil Murid	41

## **SENARAI RAJAH**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
1	Kerangka KSSM	14
2	STEM sebagai Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran	59
3	Ciri-ciri Pengajaran dan Pembelajaran STEM	60
4	Struktur Pengurusan Kurikulum Sekolah	72
5	Peranan Pengetua	73
6	Peranan Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum	74
7	Peranan Ketua Bidang/Panitia	75
8	Peranan Guru	76
9	Struktur Jawatankuasa Kurikulum Sekolah	77
10	Fungsi Jawatankuasa Kurikulum Sekolah	78





## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA Negara Kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**

**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**

**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

## **KURIKULUM KEBANGSAAN**

### “3. Kurikulum Kebangsaan

3(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.”

Sumber:Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1996

[PU(A)531/97]



**Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mengupayakan pelaksanaan transformasi sistem pendidikan kebangsaan secara menyeluruh. Pelan Pembangunan ini akan terus menterjemahkan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang merencanakan pendidikan seimbang sebagai asas mencapai aspirasi murid. Terdapat 6 aspirasi murid yang ditekankan dalam PPPM iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Dalam usaha melengkapkan PPPM 2013-2025 ini Kementerian Pendidikan Malaysia mencadangkan penggubalan KSSM yang menggunakan jumlah jam dalam tahun persekolahan untuk pelaksanaan mulai tahun 2017.

KSSM untuk pelaksanaan mulai tahun 2017 telah memasukkan perkara baharu seperti penggunaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), peruntukan masa dalam jam dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Perancangan dan pelaksanaan yang sistematik dan bersepadu dapat menjamin kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan KSSM. Pemantauan dan penilaian secara berterusan menuntut semua pihak berkaitan dalam sektor pendidikan menggembelng usaha dan peranan bagi mencapai matlamat yang dihasratkan. Justeru, semua pihak yang berkepentingan dalam pendidikan dituntut memberikan sokongan dan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan retorik yang terkandung dalam KSSM mencapai *outcome* yang ditetapkan.

Wassalam.

**YBHG. DATO' SRI Dr. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF**

## KATA ALU-ALUAN



**Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa.

Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011. Bagi memastikan kesinambungan pendidikan rendah dengan pendidikan menengah, transformasi kurikulum dilaksanakan ke atas Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). KBSM diperkukuh dan ditambah baik bagi memastikan kurikulum sentiasa relevan dengan keperluan semasa dan cabaran abad ke-21 serta selari dengan Pelan Transformasi Kerajaan. Kurikulum baharu ini dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

KSSM digubal dalam bentuk pernyataan standard iaitu pernyataan yang menetapkan kompetensi tertentu yang murid perlu kuasai pada suatu tempoh dan tahap persekolahan. Kompetensi ini diterjemahkan ke dalam aktiviti yang boleh diukur dan diuji. Tiga standard yang perlu dicapai oleh murid ialah standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi yang disediakan bagi setiap peringkat.

Dokumen ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat berkaitan KSSM. Kandungan dokumen ini merangkumi kerangka kurikulum, bidang pembelajaran, elemen merentas kurikulum dan pelaksanaan kurikulum bagi membantu guru-guru khususnya, dan masyarakat amnya untuk memahami KSSM.

Akhirnya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan buah fikiran dan tenaga sehingga dokumen ini dapat diterbitkan. Semoga dokumen ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan dalam melaksanakan KSSM secara berkesan dan menepati aspirasi pendidikan negara.

Wassalam.

**Dr. SARIAH BINTI ABD JALIL**



# **TRANSFORMASI KURIKULUM**



# BAB 1

## TRANSFORMASI KURIKULUM

### 1.1 Latar Belakang

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mula dilaksanakan pada tahun 1989. Untuk memastikan ia selari dan sesuai dengan perkembangan semasa, KBSM telah disemak semula dan dilaksanakan di semua sekolah menengah melalui arahan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/2000 bertarikh 14 Januari 2002: *Pelaksanaan Sukatan Pelajaran yang Disemak Semula Bagi KBSR dan KBSM*. Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.6/2008 bertarikh 23 Mei 2008 memutuskan keperluan untuk merombak sistem pendidikan negara.

Sehubungan dengan itu, kurikulum persekolahan kebangsaan bagi sekolah rendah dan menengah perlu dilihat semula setelah melalui satu kitaran lengkap pelaksanaannya dalam sistem persekolahan. Konsep kurikulum baharu bagi sekolah menengah telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil.2/2010 pada 26 Oktober 2010 untuk pelaksanaan secara berperingkat-peringkat bermula di Tingkatan 1 dan dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) turut diangkat sebagai Kurikulum Kebangsaan.

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) Kali Ke-198 pada 18 Januari 2012. telah memutuskan supaya pelaksanaan KSSM pada tahun 2017, iaitu selepas kohort pertama KSSR tamat. Pelaksanaan KSSM secara berperingkat-peringkat bermula dengan murid Tingkatan 1 pada tahun 2017 turut mengambil kira hasrat PPPM yang melakarkan aspirasi murid bagi memenuhi keperluan negara.

Transformasi kurikulum merujuk kepada usaha menambah baik program pembelajaran bagi meningkatkan keberhasilan murid untuk mencapai enam aspirasi murid, iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional seperti yang disyorkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025. Transformasi ini dilakukan ke atas kandungan, pedagogi dan pentaksiran seperti berikut:

- Kandungan disusun semula dan ditambah baik untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21.
- Pedagogi menekankan kepada pembelajaran secara mendalam melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Fokus diberikan kepada pembelajaran berasaskan inkuiri, penyelesaian masalah, pembelajaran kontekstual, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berasaskan projek dan pendekatan STEM.
- Pentaksiran dilaksanakan secara berterusan untuk memastikan perkembangan dan pencapaian pembelajaran murid. Pentaksiran dalam p&p dilaksanakan dalam bentuk sumatif dan formatif. Guru mentaksir sejauh mana murid menguasai standard pembelajaran dengan merujuk kepada standard prestasi yang ditetapkan. Perkembangan dan pencapaian sebenar tahap penguasaan murid direkod dan dilaporkan secara deskriptif kepada murid dan ibu bapa.

Bagi memastikan kesinambungan pendidikan rendah dengan pendidikan menengah, transformasi kurikulum dilaksanakan ke atas Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). KBSM diperkukuh dan ditambah baik bagi memastikan kurikulum sentiasa relevan dengan keperluan semasa dan cabaran abad ke-21 serta selari dengan Pelan Transformasi Kerajaan. Kurikulum baharu ini dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Perbezaan KSSM dengan KBSM ini diperjelaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Perbezaan KBSM dan KSSM

Aspek	KBSM	KSSM
<b>Reka Bentuk kurikulum</b>	<p>Kerangka Kurikulum berasaskan 3 bidang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komunikasi</li> <li>• Manusia dan Alam Sekeliling</li> <li>• Perkembangan Diri Individu</li> </ul> <p>Berasaskan hasil pembelajaran</p>	<p>Kerangka Kurikulum berasaskan 6 tunjang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komunikasi</li> <li>• Perkembangan Fizikal &amp; Estetika</li> <li>• Kemanusiaan</li> <li>• Keterampilan Diri</li> <li>• Sains dan Teknologi (STEM)</li> <li>• Kerohanian, Sikap &amp; Nilai</li> </ul> <p>Berasaskan standard:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Standard kandungan</li> <li>• Standard pembelajaran</li> <li>• Standard prestasi</li> </ul>
<b>Dokumen kurikulum</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sukatan Pelajaran</li> <li>• Huraian Sukatan Pelajaran</li> </ul>	<p>Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)</p>
<b>Peruntukan masa</b>	<p>Minit seminggu</p>	<p>Jam seminggu</p>
<b>Organisasi kurikulum</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mata pelajaran Teras</li> <li>• Mata pelajaran Wajib</li> <li>• Mata pelajaran Tambahan</li> <li>• Mata pelajaran Elektif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mata pelajaran Teras</li> <li>• Mata pelajaran Wajib</li> <li>• Mata pelajaran Tambahan</li> <li>• Mata pelajaran Elektif</li> </ul>

Aspek	KBSM	KSSM
<b>Elemen Merentas Kurikulum</b>	Bahasa, Sains & Teknologi, Teknologi Maklumat & Komunikasi, Kelestarian Alam Sekitar, Nilai Murni, Patriotisme	Bahasa, Sains & Teknologi, Teknologi Maklumat & Komunikasi, Kelestarian Alam Sekitar, Nilai Murni, Patriotisme, Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan, dan Teknologi Maklumat & Komunikasi (TMK), dan Kelestarian Global
<b>Penekanan Pedagogi</b>	Pembelajaran berasaskan inkuiri, penyelesaian masalah, pembelajaran kontekstual, pembelajaran kolaboratif dan pembelajaran berasaskan projek	Pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah, pembelajaran kontekstual, pembelajaran kolaboratif dan pembelajaran berasaskan projek, pendekatan konstruktivisme, pendekatan STEM
<b>Pentaksiran</b>	Pentaksiran Sekolah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumatif</li> <li>• Formatif</li> </ul>	Pentaksiran disuratkan dalam DSKP sebagai Standard Prestasi
<b>Penjenamaan semula mata pelajaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Literasi TMK (SMR)</li> <li>• Kemahiran Hidup</li> <li>• Mata Pelajaran Elektif Teknikal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Asas Sains Komputer (SMR)</li> <li>• Reka Bentuk Teknologi</li> <li>• Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas</li> </ul>
<b>Penawaran mata pelajaran baharu</b>		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Korea</li> <li>• Bahasa Semai</li> <li>• Mata pelajaran Pendidikan Khas Vokasional</li> </ul>

## 1.2 Teras Pembangunan Kurikulum

Proses penggubalan kurikulum mengambil kira pelbagai aspek sebagai teras seperti Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Wawasan 2020, Rangka Rancangan Jangka Panjang, Model Baharu Ekonomi dan Rancangan Malaysia Ke-11. Model Baharu Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan menjadi asas perkembangan ekonomi dan pembangunan negara. Ini dapat diterjemahkan melalui pelaksanaan RMKe-11 bagi menghasilkan modal insan yang dapat memenuhi keperluan pembangunan negara. Dalam usaha memastikan sistem pendidikan negara berfungsi secara berkesan untuk menjayakan misi negara, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 telah dirangka dan dilancarkan pada 6 September 2013. Pelan ini memberi tumpuan kepada pembelajaran dan keberhasilan murid dengan menyasarkan pembangunan murid yang memiliki enam ciri iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional untuk membolehkan mereka bersaing di peringkat global. Ciri-ciri ini sangat penting dalam memastikan kemenjadian murid bagi menghadapi cabaran abad ke-21, selain membolehkan mereka memberi sumbangan yang bermakna kepada keluarga, masyarakat dan negara. Pelaksanaan KSSM pada tahun 2017 mengambil kira hasrat PPPM yang melakarkan aspirasi murid bagi memenuhi keperluan negara.

PPPM berhasrat agar murid yang menamatkan persekolahan menguasai sekurang-kurangnya tiga bahasa bagi membolehkan mereka berkomunikasi secara berkesandan mampu bersaing di peringkat global. Setiap murid akan menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa perpaduan, serta bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa. Murid juga akan mempelajari bahasa lain seperti bahasa Arab, Cina, Tamil, Semai, Iban dan Kadazandusun, Jepun, Perancis, Jerman dan Korea sebagai bahasa tambahan sehingga mampu berinteraksi dalam wacana sosial seperti yang diperincikan dalam *Common European Framework of Reference* (CEFR). Sehubungan ini, kurikulum bagi semua mata pelajaran bahasa diwajibkan dengan CEFR.

Pelaksanaan KSSM memastikan setiap murid akan dipupuk dengan etika dan kerohanian dalam diri mereka sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran kehidupan masa hadapan. Murid diharapkan boleh menyelesaikan konflik secara harmoni, bijak membuat pertimbangan, berpegang kepada prinsip serta berani melakukan perkara yang betul. Penggubalan KSSM mengambil kira elemen yang mampu memupuk nilai perpaduan dan keharmonian kaum supaya murid mengenal, menghormati dan menerima kelainan serta perbezaan individu. Setiap murid akan dibentuk menjadi rakyat Malaysia yang cintakan negaranya dan berbangga sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama atau status

sosioekonomi. Murid akan dipupuk dengan semangat patriotisme serta diajar memahami, menerima dan menghayati kepelbagaian.

Murid yang mengikuti p&p di bawah KSSM dilengkapi kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dunia yang sentiasa berubah dalam arus kemajuan dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang terdapat dalam bidang *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM). Tumpuan diberikan kepada peningkatan kemahiran STEM pengukuhan asas program sedia ada dan menggalakkan murid peringkat menengah atas dan lepas menengah untuk mengikuti STEM.

PPPM 2013-2025 mencadangkan penggubalan kurikulum baharu (KSSR dan KSSM) menggunakan jumlah jam dalam tahun persekolahan.

Selari dengan PPPM 2013-2025, kurikulum persekolahan digubal dengan hasrat untuk melahirkan insan yang seimbang, berfikiran kreatif, kritis dan inovatif. Perkara ini direalisasikan melalui tunjang-tunjang komunikasi, sains dan teknologi, perkembangan fizikal dan estetika, keterampilan diri, kemanusiaan dan kerohanian serta sikap dan nilai. Kurikulum berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Mengambil kira cabaran abad ke-21, Model Baru Ekonomi (MBE) dan teori pembelajaran terkini. KSSM juga mengguna pakai empat tonggak pendidikan UNESCO, iaitu belajar untuk mengetahui (*learning to know*), belajar untuk bertindak (*learning to do*), belajar untuk hidup bersama (*learning to live together*) dan belajar untuk membentuk peribadi (*learning to be*). Murid yang mengikuti kurikulum persekolahan akan mempunyai asas berikut:

- Insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial
- Warganegara yang bertanggungjawab
- Warganegara yang boleh berperanan di arena global
- Pekerja berilmu

### 1.3 Prinsip Kurikulum Sekolah Menengah

KSSM menekankan semua prinsip KBSM yang berikut:

- a) Kesenambungan Pendidikan Rendah dengan Pendidikan Menengah  
Di peringkat rendah, penekanan ialah kepada kemahiran-kemahiran asas membaca, menulis, mengira dan menaakul; pengetahuan asas yang dapat menjamin perkembangan potensi secara menyeluruh, dan asas nilai-nilai murni. Kemahiran-kemahiran tersebut diperkembangkan dan diperkukuhkan di peringkat menengah. Ilmu dipertingkatkan dan diperluaskan. Sementara itu, nilai-nilai murni diperluaskan dan diperkukuhkan.
- b) Pendidikan Umum untuk Semua Murid  
Di kedua-dua peringkat menengah rendah dan menengah atas, murid disediakan program pendidikan yang sama untuk memberi mereka peluang yang luas bagi mendapatkan ilmu pengetahuan yang menyeluruh dan seimbang. Program pendidikan yang sama untuk semua terdiri daripada mata-mata pelajaran teras yang wajib diikuti oleh semua.
- c) Penggunaan Disiplin Ilmu Yang Ada  
Disiplin ilmu yang ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diteruskan dalam KSSM.
- d) Kesepaduan Antara Unsur-unsur Intelek, Rohani, Emosi dan Jasmani  
Pendekatan kesepaduan menjadi tumpuan utama dalam penggubalan kurikulum persekolahan. Unsur-unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai digabungkan supaya wujud kesepaduan dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kurikulum digubal bagi memastikan semua mata pelajaran berperanan untuk memenuhi keperluan- intelek, rohani, emosi dan jasmani. Mata-mata pelajaran yang digubal juga dapat menjamin bahawa aspek-aspek tersebut tidak berkembang secara terpisah antara satu sama lain, malahan saling berkaitan dan dapat mewujudkan sahsiah murid yang bersifat bersepadu.
- e) Penekanan Nilai-nilai Murni  
Penyerapan nilai-nilai murni dilakukan dengan menyeluruh melalui semua mata pelajaran. Pendekatan ini dikenali sebagai nilai-nilai merentas kurikulum. Disamping itu, pengajaran nilai-nilai murni secara khusus terkandung dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bagi pelajar Muslim dan mata pelajaran Pendidikan Moral sebagai pelajar bukan Muslim.

- f) Peningkatan Penggunaan Bahasa Melayu  
Penggunaan Bahasa Melayu akan dipertingkatkan dan diperkukuhkan melalui semua mata pelajaran kecuali mata pelajaran bahasa yang lain seperti Bahasa Inggeris. Pendekatan ini dikenali sebagai bahasa Melayu merentas kurikulum.
- g) Pendidikan Sepanjang Hayat  
Kurikulum menengah pada umumnya menekankan pemupukan minat terhadap ilmu pengetahuan dan kemahiran belajar supaya murid dapat memiliki sikap yang positif terhadap ilmu pengetahuan dan sentiasa berusaha untuk mencari, menambah dan mengembangkan ilmu. Ini membolehkan mereka menghayati semangat belajar yang berterusan di sepanjang hayat.

Pada peringkat menengah atas murid diberi peluang untuk menjurus kepada pengkhususan berdasarkan minat, bakat dan kebolehan murid dalam bidang akademik/agama, teknikal/vokasional dan sukan/seni. Setelah tamat pendidikan menengah atas, murid boleh melanjutkan pelajaran sama ada ke Tingkatan 6, Matrikulasi dan Institut Pendidikan Tinggi lain seperti Universiti, Kolej, Politeknik dan Institusi Kemahiran atau menceburi alam kerjaya.

# **REKA BENTUK KURIKULUM**



# BAB 2

## REKA BENTUK KURIKULUM

### 2.1 Asas Kerangka Kurikulum

Reka Bentuk Kurikulum menjadi asas dalam penggubalan kurikulum. Ia merangkumi kerangka kurikulum, organisasi kurikulum, kaedah penyampaian dan pentaksiran. Kerangka kurikulum sekolah menengah dibina berasaskan kerangka kurikulum sekolah rendah yang menekankan kesepaduan tunjang-tunjang tertentu bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) yang berfikir kreatif, kritis dan inovatif. Tunjang-tunjang yang dizahirkan dalam KSSM merupakan kesinambungan daripada kerangka KSSR untuk mewakili bidang ilmu, kemahiran dan nilai yang meluas sebagai asas kepada pembangunan modal insan. Pengisian setiap tunjang pada peringkat sekolah menengah adalah perkembangan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari pada peringkat rendah. Kesemua tunjang tersebut diambil kira di peringkat penggubalan kandungan mata pelajaran dengan memastikan kesepaduan interaksi antara tunjang seperti di dalam Rajah 1.

Kesepaduan antara tunjang perlu dijelmakan dalam pelaksanaan kurikulum. Pengisian pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada enam tunjang iaitu komunikasi, kerohanian sikap dan nilai, kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika serta tunjang sains dan teknologi (STEM) menjadi teras kepada KSSM. Pengisian setiap tunjang diterjemahkan dalam mata pelajaran dan aktiviti kokurikulum bagi mencapai hasrat pendidikan untuk melahirkan insan seimbang yang kritis, kreatif dan inovatif.



Rajah 1: Kerangka KSSM

## 2.2 Kurikulum Berasaskan Standard

KSSM digubal dalam bentuk pernyataan standard bagi membolehkan semua murid memperoleh pendidikan yang sama dan berkualiti. Akauntabiliti pentadbir dan guru dapat memastikan semua murid melepasi piawaian standard yang ditetapkan bagi setiap mata pelajaran.

Pernyataan standard terdiri daripada standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid dalam suatu tempoh dan tahap persekolahan. Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi didefinisikan seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Definisi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Satu penetapan kriteria atau petunjuk ( <i>indicator</i> ) kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Satu set kriteria yang menunjukkan tahap-tahap penguasaan murid sebagai petunjuk bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) menggantikan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran yang digunakan dalam KBSM ialah satu dokumen yang mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran. DSKP merangkumi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

## 2.3 Organisasi Kurikulum

KSSM memastikan murid mencapai standard pembelajaran yang ditetapkan. Kurikulum di peringkat menengah rendah memberi penekanan kepada pendidikan umum, peningkatan kemahiran yang diperoleh semasa di sekolah rendah, perkembangan bakat dan minat, asas pravokasional, perkembangan sahsiah, sikap dan nilai.

Pada peringkat menengah atas, penekanan diberikan kepada perkembangan bakat dan minat, perkembangan sahsiah, sikap dan nilai, pengkhususan, kerjaya dan pendidikan tinggi.

Mengikut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 di bawah Akta Pendidikan 1996, mata pelajaran pada peringkat menengah dikategorikan kepada mata pelajaran Teras, Wajib, Tambahan dan Elektif.

Mata Pelajaran Teras merupakan mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua murid di sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan swasta.

Mata Pelajaran Wajib merupakan mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua murid di sekolah kerajaan, dan sekolah bantuan kerajaan sahaja.

Mata Pelajaran Tambahan pada peringkat menengah rendah ialah mata pelajaran bahasa yang ditawarkan oleh sekolah sebagai pilihan.

Mata Pelajaran Elektif pada peringkat menengah atas adalah mata pelajaran yang ditawarkan untuk memenuhi bakat, minat, kebolehan, dan potensi murid. Mata pelajaran ini dikategorikan kepada kumpulan Bahasa, STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik), Pengajian Islam dan Kemanusiaan & Sastera Ikhtisas. Murid boleh membuat pilihan berdasarkan kecenderungan dan kesediaan sekolah menawarkan mata pelajaran elektif.

Mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat menengah rendah dan menengah atas seperti di Jadual 3 - 9. Mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat menengah rendah dan menengah atas bagi Sekolah Seni Malaysia (SseM) seperti di Jadual 10 – 11. Mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat menengah rendah dan menengah atas bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) adalah seperti di Jadual 12– 14. Mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat menengah rendah dan menengah atas bagi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seperti di Jadual 15-21.

**Jadual 3: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu KSSM  
(Tingkatan 1, 2 dan 3)**

<b>BIL.</b>	<b>MATA PELAJARAN</b>	<b>MASA DALAM SEMINGGU (JAM)</b>
<b>MATA PELAJARAN TERAS</b>		
1.	Bahasa Melayu	4.0
2.	Bahasa Inggeris	3.5
3.	Matematik	3.5
4.	Sains	3.5
5.	Sejarah	2.0
6.	Pendidikan Islam/Pendidikan Moral	4.0
<b>MATA PELAJARAN WAJIB</b>		
7.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	2.0
8.	Geografi	1.5
9.#	Reka Bentuk dan Teknologi	2.0
	Asas Sains Komputer	
10.#	Pendidikan Seni Visual	1.0
	Pendidikan Muzik	
<b>MATA PELAJARAN TAMBAHAN</b>		
11.	Bahasa Cina/Bahasa Tamil/Bahasa Iban/Bahasa Kadazandusun/ Bahasa Semai/Bahasa Perancis/Bahasa Jerman/Bahasa Jepun/ Bahasa Korea	2.0
	Bahasa Arab di SMKA/ KAA/SBPI/SMAP	3.0
Perhimpunan		0.5

# Dilaksanakan mengikut pilihan murid.

**Jadual 4: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu KSSM  
(Tingkatan 4 dan 5)**

<b>BIL.</b>	<b>MATA PELAJARAN</b>	<b>MASA DALAM SEMINGGU (JAM)</b>
<b>MATA PELAJARAN TERAS</b>		
1.	Bahasa Melayu	4.0
2.	Bahasa Inggeris	3.5
3.	Matematik	3.5
4.	Sains	3.5
5.	Sejarah	2.0
6.	Pendidikan Islam/Pendidikan Moral	3.0
<b>MATA PELAJARAN WAJIB</b>		
7.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	2.0
	Perhimpunan	0.5
<b>MATA PELAJARAN ELEKTIF</b>		
8.	<b>Seperti Jadual 5-9</b>	

**NOTA MATA PELAJARAN ELEKTIF MENENGAH ATAS**

1. Murid diberi peluang mengambil mata pelajaran elektif sebanyak dua jam sehingga 12 jam seminggu (bergantung kepada kombinasi mata pelajaran elektif yang dipilih).
2. Mata pelajaran Elektif Sastera, Elektif Bahasa Elektif Kemanusiaan; masa yang diperuntukkan untuk setiap mata pelajaran ialah dua jam seminggu.
3. Mata pelajaran Elektif STEM, Sastera Ikhtisas, Elektif Kesenian, dan Elektif Pengajian Islam; masa yang diperuntukkan untuk setiap mata pelajaran ialah tiga jam seminggu.

**Jadual 5: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu  
Elektif Bahasa**

<b>BIL</b>	<b>ELEKTIF BAHASA</b>	<b>MASA DALAM SEMINGGU (JAM)</b>
1.	Bahasa Cina	2.0
2.	Bahasa Tamil	2.0
3.	Bahasa Iban	2.0
4.	Bahasa Kadazandusun	2.0
5.	Bahasa Semai	2.0
6.	Bahasa Perancis	2.0
7.	Bahasa Jepun	2.0
8.	Bahasa Jerman	2.0
9.	Bahasa Korea	2.0

**Jadual 6: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu  
Elektif STEM**

<b>BIL</b>	<b>ELEKTIF STEM</b>	<b>MASA DALAM SEMINGGU (JAM)</b>
1.	Fizik	3.0
2.	Kimia	3.0
3.	Biologi	3.0
4.	Matematik Tambahan	3.0
5.	Sains Tambahan	3.0
6.	Grafik Komunikasi Teknikal	3.0
7.	Asas Kelestarian	3.0
8.	Pertanian	3.0
9.	Sains Rumah Tangga	3.0
10.	Reka Cipta	3.0
11.	Sains Komputer	3.0
12.	Sains Sukan	3.0

**Jadual 7: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu  
Elektif Pengajian Islam**

<b>BIL</b>	<b>ELEKTIF PENGAJIAN ISLAM</b>	<b>MASA DALAM SEMINGGU (JAM)</b>
1.	Pendidikan Al Quran dan Al Sunnah	3.0
2.	Pendidikan Syariah Islamiah	3.0
3.	Tasawwur Islam	3.0
4.	Bahasa Arab	3.0

**Jadual 8: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu  
Elektif Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas**

<b>BIL</b>	<b>ELEKTIF KEMANUSIAAN DAN SASTERA IKHTISAS</b>	<b>MASA DALAM SEMINGGU (JAM)</b>
1.	Prinsip Perakaunan	3.0
2.	Ekonomi	3.0
3.	Perniagaan	3.0
4.	Pendidikan Seni Visual	2.0
5.	Pendidikan Muzik	2.0
6.	Geografi	2.0
7.	Kesusasteraan Melayu	2.0
8.	Kesusasteraan Inggeris	2.0
9.	Kesusasteraan Cina	2.0
10.	Kesusasteraan Tamil	2.0

**Jadual 9: Kumpulan Mata Pelajaran Elektif Menengah Atas**

<b>ELEKTIF BAHASA</b>	<b>ELEKTIF PENGAJIAN ISLAM</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Cina</li> <li>• Bahasa Tamil</li> <li>• Bahasa Kadazandusun</li> <li>• Bahasa Iban</li> <li>• Bahasa Semai</li> <li>• Bahasa Perancis</li> <li>• Bahasa Jepun</li> <li>• Bahasa Jerman</li> <li>• Bahasa Korea</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendidikan Al Quran dan Al Sunnah</li> <li>• Pendidikan Syariah Islamiah</li> <li>• Tasawwur Islam</li> <li>• Bahasa Arab</li> </ul>
<b>ELEKTIF KEMANUSIAAN DAN SASTERA IKHTISAS</b>	<b>ELEKTIF STEM</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Geografi</li> <li>• Ekonomi</li> <li>• Perniagaan</li> <li>• Pendidikan Seni Visual</li> <li>• Pendidikan Muzik</li> <li>• Prinsip Perakaunan</li> <li>• Kesusasteraan Melayu</li> <li>• Kesusasteraan Inggeris</li> <li>• Kesusasteraan Cina</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fizik</li> <li>• Kimia</li> <li>• Biologi</li> <li>• Matematik Tambahan</li> <li>• Sains Tambahan</li> <li>• Grafik Komunikasi Teknikal</li> <li>• Asas Kelestarian</li> <li>• Pertanian</li> <li>• Sains Rumah Tangga</li> <li>• Reka Cipta</li> <li>• Sains Komputer</li> <li>• Sains Sukan</li> </ul>

**Jadual 10: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu di Sekolah Seni Malaysia  
(Tingkatan 1, 2 dan 3)**

<b>MATA PELAJARAN TERAS</b>		<b>MASA DALAM SEMINGGU (JAM)</b>
1.	Bahasa Melayu	4.0
2.	Bahasa Inggeris	3.0
3.	Matematik	3.0
4.	Sains	3.0
5.	Sejarah	2.0
6.	Pendidikan Islam / Pendidikan Moral	3.0
<b>MATA PELAJARAN WAJIB</b>		
7.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	2.0
<b>MATA PELAJARAN KESENIAN</b>		
8.	Seni Visual	3.0
9.	Seni Muzik	3.0
10.	Seni Tari	3.0
11.	Seni Teater	3.0
<b>MATA PELAJARAN ELEKTIF</b>		
12.	Bahasa Cina/ Tamil/ Arab/Perancis/ Jerman/ Jepun/Korea	2.0
<b>JUMLAH</b>		<b>34.5</b>

Nota:

- Murid mempelajari kesemua mata pelajaran teras, wajib, mata pelajaran kesenian, dan memilih **SATU** mata pelajaran elektif.
- Peruntukan masa mata pelajaran teras, dan wajib diubah bagi pelaksanaan mata pelajaran elektif.

**Jadual 11: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu di Sekolah Seni Malaysia  
(Tingkatan 4 dan 5)**

<b>MATA PELAJARAN TERAS</b>		<b>MASA DALAM SEMINGGU (JAM)</b>
1.	Bahasa Melayu	4.0
2.	Bahasa Inggeris	3.0
3.	Matematik	3.0
4.	Sains	3.0
5.	Sejarah	2.0
6.	Pend. Islam / Pend. Moral	3.0
<b>MATA PELAJARAN WAJIB</b>		
7.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	2.0
<b>MATA PELAJARAN KESENIAN (PENGKHUSUSAN)</b>		
<b>Reka Bentuk</b>		
8.	Lukisan	3.0
9.	Sejarah & Pengurusan Seni	3.0
10.	Reka Bentuk Kraf	3.0
11.	Reka Bentuk Industri	3.0
<b>Seni Halus</b>		
8.	Lukisan	3.0
9.	Sejarah & Pengurusan Seni	3.0
10.	Seni Halus 2D	3.0
11.	Seni Halus 3D	3.0
<b>Komunikasi Visual</b>		
8.	Lukisan	3.0
9.	Sejarah & Pengurusan Seni	3.0
10.	Reka Bentuk Grafik	3.0
11.	Multimedia Kreatif	3.0

MATA PELAJARAN TERAS		MASA DALAM SEMINGGU (JAM)
<b>Seni Muzik</b>		
8.	Aural dan Teori Muzik	3.0
9.	Alat Muzik Utama	3.0
10.	Muzik Komputer	3.0
11.	Produksi Seni Persembahan	3.0
<b>Seni Tari</b>		
8.	Tarian	3.0
9.	Koreografi Tari	3.0
10.	Apresiasi Tari	3.0
11.	Produksi Seni Persembahan	3.0
<b>Seni Teater</b>		
8.	Lakonan	3.0
9.	Sinografi	3.0
10.	Penulisan Skrip	3.0
11.	Produksi Seni Persembahan	3.0
<b>MATA PELAJARAN ELEKTIF</b>		
12.	Bahasa Cina/ Tamil/ Arab/ Perancis/ Jerman/ Jepun/ Korea	2
<b>JUMLAH</b>		<b>34.5</b>

Nota:

- Murid mempelajari kesemua mata pelajaran teras, wajib memilih **SATU** pengkhususan mata pelajaran kesenian, dan memilih **SATU** mata pelajaran elektif.
- Peruntukan masa mata pelajaran teras, dan wajib diubah bagi pelaksanaan mata pelajaran elektif.

**Jadual 12: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Pendidikan Khas  
(Kefungsian Sederhana)**

BIL	MATA PELAJARAN TERAS	Ting. 1	Ting. 2	Ting. 3	Ting. 4	Ting. 5
		Jam seminggu				
1	Bahasa Melayu Komunikasi	1.5	1.5	1.5	1.5	1.5
2	English for Communication	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0
3	Matematik	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0
4	Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0
5	Pendidikan Islam / Moral	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
6	Pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan	1.5	1.5	1.5	1.5	1.5
7*	Pendidikan Seni Visual	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0
8*	Pendidikan Muzik					
9	Pengurusan Diri	2.0				
	<b>MATA PELAJARAN KEMAHIRAN</b>					
10#	Kemahiran Asas Vokasional (pilih 1 sahaja daripada 7)	12.0				
11#	Kemahiran Vokasional Spesifik (pilih 1 sahaja daripada 10)		14.0	14.0	14.0	14.0
	Perhimpunan	0.5	0.5	0.5	0.5	0.5
	<b>JUMLAH</b>	<b>24.0</b>	<b>24.0</b>	<b>24.0</b>	<b>24.0</b>	<b>24.0</b>

Nota:

\*Sekolah boleh memilih untuk melaksanakan salah satu atau kedua-dua mata pelajaran.

#Rujuk Jadual 13

**Jadual 13: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kemahiran Vokasional KSSM Pendidikan Khas**

BIL	KEMAHIRAN ASAS VOKASIONAL*	MASA DALAM SEMINGGU (JAM)
1	Asas Masakan	12.0
2	Asas Jahitan	12.0
3	Asas Tanaman	12.0
4	Asas Akuakultur	12.0
5	Asas Multimedia	12.0
6	Asas Refleksologi	12.0
7	Asas Pembuatan Perabot	12.0

BIL	KEMAHIRAN VOKASIONAL SPESIFIK**	MASA DALAM SEMINGGU (JAM)
1.	Penyediaan dan Pembuatan Makanan	14.0
2.	Pembuatan Roti	14.0
3.	Pembuatan Pastri	14.0
4.	Servis Makanan dan Minuman	14.0
5.	Pembuatan Pakaian Wanita	14.0
6.	Tanaman	14.0
7.	Akuakultur	14.0
8.	Multimedia Visual	14.0
9.	Refleksologi Kaki, Tangan dan Telinga	14.0
10.	Pembuatan Perabot	14.0

Nota:

\*Mata pelajaran Kemahiran Asas Vokasional dipelajari di Tingkatan 1

\*\*Mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik dipelajari di Tingkatan 2 hingga 5.

**Jadual 14: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Pendidikan Khas  
(Kefungsian Rendah)**

BIL	MATA PELAJARAN TERAS	Ting 1	Ting 2	Ting 3	Ting 4	Ting 5
		JAM SEMINGGU				
1	<b>Pengurusan Kehidupan</b> (Kemahiran Manipulatif dan Pengurusan Diri)	7.0	7.0	7.0	7.0	7.0
2	<b>Komunikasi</b> (Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik)	3.0	3.0	3.0	3.0	3.0
3	<b>Pendidikan Sahsiah</b> (Pendidikan Islam / Pendidikan Moral)	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
4	<b>Pendidikan Seni dan Kesejahteraan</b> (Pend. Jasmani dan Kesihatan, Pend. Seni Visual dan Pend. Muzik)	3.0	3.0	3.0	3.0	3.0
	<b>MATA PELAJARAN KEMAHIRAN</b>					
	<b>Asas Masakan</b>	8.0	8.0	8.0	8.0	8.0
	<b>Asas Jahitan</b>					
	<b>Kraf</b> - Seni Kraf Anyaman - Seni Kraf Batik - Seni Kraf Manik					
	<b>Asas Pertanian</b> - Perkebunan - Pemeliharaan haiwan					
	<b>Perkhidmatan dan Penyelenggaraan</b> - Pembungkusan - Mendobi Mencuci kenderaan - Pencetakan - Pengemasan					
	Perhimpunan	0.5	0.5	0.5	0.5	0.5
	<b>JUMLAH</b>	<b>24.0</b>	<b>24.0</b>	<b>24.0</b>	<b>24.0</b>	<b>24.0</b>

Nota:

\*Sekolah boleh memilih dua kemahiran daripada senarai mata pelajaran kemahiran di atas.

**Jadual 15: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Dini(KBD)  
(Menengah Rendah)**

Bil.	MATA PELAJARAN	Ting. 1	Ting. 2	Ting. 3
		Jam Seminggu	Jam Seminggu	Jam Seminggu
1	Bahasa Melayu	2.5	2.5	2.5
2	Bahasa Inggeris	2.5	2.5	2.5
3	Matematik	2.5	2.5	2.5
4	Sains	2.5	2.5	2.5
5	Sejarah	1.0	1.0	1.0
6	Pend. Jasmani dan Pend.Kesihatan	1.5	1.5	1.5
7	Geografi	1.0	1.0	1.0
8	Reka Bentuk danTeknologi	1.0	1.0	1.0
	Asas Sains Komputer			
9	Pendidikan Seni Visual	1.0	1.0	1.0
	Pendidikan Muzik			
	Perhimpunan	0.5	0.5	0.5
<b>MATA PELAJARAN DINI</b>				
10	Usul al-Din	2.0	3.0	4.0
11	Al-Syariah	2.5	2.5	3.5
12	Al-Lughah al-`Arabiah al-Mu`asirah	9.5	8.5	6.5
<b>JUMLAH</b>		<b>30.0</b>	<b>30.0</b>	<b>30.0</b>

**Jadual 16: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)  
(Menengah Atas)**

Bil.	MATA PELAJARAN	Ting. 4	Ting. 5
		Jam Seminggu	Jam Seminggu
1	Bahasa Melayu	2.5	2.5
2	Bahasa Inggeris	2.5	2.5
3	Matematik	2.5	2.5
4	Sains	2.5	2.5
5	Sejarah	1.5	1.5
7	Pend. Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	1.0	1.0
	Perhimpunan	0.5	0.5
<b>MATA PELAJARAN DINI</b>			
8	Usul al-Din	4.0	4.0
9	Al-Syariah	4.0	4.0
10	Al-Lughah al-`Arabiah al-Mu`asirah	4.0	4.0
11	Manahij al-`Ulum al-Islamiyah	1.5	1.5
12	Al-Adab wa al-Balaghah	2.5	2.5
<b>JUMLAH</b>		<b>29.0</b>	<b>29.0</b>

**Jadual 17: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Menengah Atas (Dini Sastera)**

Bil.	MATA PELAJARAN	Ting. 4	Ting. 5
		Jam Seminggu	Jam Seminggu
1	Bahasa Melayu	2.5	2.5
2	Bahasa Inggeris	2.5	2.5
3	Matematik	2.5	2.5
4	Sains	2.5	2.5
5	Sejarah	1.5	1.5
6	Pend. Jasmani dan Pend.Kesihatan	1.0	1.0
	Perhimpunan	0.5	0.5
<b>MATA PELAJARAN ELEKTIF</b>			
7	Matematik Tambahan	2.5	2.5
8	Prinsip Akaun	2.5	2.5
9	Ekonomi/Perdagangan	2.0	2.0
<b>MATA PELAJARAN DINI</b>			
10	Usul al-Din	4.0	4.0
11	Al-Syariah	4.0	4.0
12	Al-Lughah al-`Arabiah al-Mu`asirah	3.0	3.0
<b>JUMLAH</b>		<b>31.0</b>	<b>31.0</b>

**Jadual 18: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Menengah Atas (Dini Sains)**

Bil.	MATA PELAJARAN	Ting. 4	Ting. 5
		Jam Seminggu	Jam Seminggu
1	Bahasa Melayu	2.5	2.5
2	Bahasa Inggeris	2.5	2.5
3	Matematik	2.5	2.5
4	Sejarah	1.5	1.5
5	Pend. Jasmani dan Pend.Kesihatan	1.0	1.0
	Perhimpunan	0.5	0.5
<b>MATA PELAJARAN ELEKTIF</b>			
6	Matematik Tambahan	2.5	2.5
7	Bio/Fizik	2.5	2.5
8	Kimia	2.5	2.5
<b>MATA PELAJARAN DINI</b>			
9	Usul al-Din	4.0	4.0
10	Al-Syariah	4.0	4.0
11	Al-Lughah al-`Arabiah al-Mu`asirah	3.0	3.0
<b>JUMLAH</b>		<b>29.0</b>	<b>29.0</b>

**Jadual 19: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)  
Menengah Rendah**

Bil.	MATA PELAJARAN	Ting. 1	Ting. 2	Ting. 3
		Jam Seminggu	Jam Seminggu	Jam Seminggu
1	Bahasa Melayu	2.5	2.5	2.5
2	Bahasa Inggeris	2.5	2.5	2.5
3	Matematik	2.5	2.5	2.5
4	Sains	2.5	2.5	2.5
5	Sejarah	1.0	1.0	1.0
6	Pendidikan Islam / Moral	2.5	2.5	2.5
6	Pend. Jasmani dan Pend.Kesihatan	1.5	1.5	1.5
7	Geografi	1.0	1.0	1.0
8	Reka Bentuk danTeknologi	1.0	1.0	1.0
	Asas Sains Komputer			
9	Pendidikan Seni Visual	1.0	1.0	1.0
	Pendidikan Muzik			
10	Bahasa Arab	2.5	2.5	2.5
	Perhimpunan	0.5	0.5	0.5
<b>MATA PELAJARAN TAHFIZ</b>				
11	Hifz al-Quran	10.0	10.0	10.0
12	Maharat al-Quran	2.0	2.0	2.0
<b>JUMLAH</b>		<b>33.0</b>	<b>33.0</b>	<b>33.0</b>

**Jadual 20: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Menengah Atas (Tahfiz Agama)**

Bil.	MATA PELAJARAN	Ting. 4	Ting. 5
		Jam Seminggu	Jam Seminggu
1	Bahasa Melayu	2.5	2.5
2	Bahasa Inggeris	2.5	2.5
3	Matematik	2.5	2.5
4	Sains	2.5	2.5
5	Sejarah	1.5	1.5
6	Pend. Jasmani dan Pend.Kesihatan	1.0	1.0
	Perhimpunan	0.5	0.5
<b>MATA PELAJARAN ELEKTIF</b>			
7	Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah	2.5	2.5
8	Pendidikan Syariah Islamiah	2.5	2.5
9	Bahasa Arab	2.5	2.5
<b>MATA PELAJARAN TAHFIZ</b>			
10	Hifz al-Quran	10.0	10.0
11	Maharat al-Quran	2.5	2.5
<b>JUMLAH</b>		<b>33.0</b>	<b>33.0</b>

**Jadual 21: Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu bagi Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Menengah Atas (Tahfiz Sains)**

Bil.	MATA PELAJARAN	Ting. 4	Ting. 5
		Jam Seminggu	Jam Seminggu
1	Bahasa Melayu	2.5	2.5
2	Bahasa Inggeris	2.5	2.5
3	Matematik	2.5	2.5
4	Sejarah	1.5	1.5
5	Pendidikan Islam / Moral	2.5	2.5
6	Pend. Jasmani dan Pend.Kesihatan	1.0	1.0
	Perhimpunan	0.5	0.5
<b>MATA PELAJARAN ELEKTIF</b>			
7	Matematik Tambahan	2.5	2.5
8	Bio/Fizik	2.5	2.5
9	Kimia	2.5	2.5
10	Bahasa Arab	2.5	2.5
<b>MATA PELAJARAN TAHFIZ</b>			
11	Hifz al-Quran	8.0	8.0
12	Maharat al-Quran	2.0	2.0
<b>JUMLAH</b>		<b>33.0</b>	<b>33.0</b>



# **KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI**



# BAB 3

## KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

Tahap pemikiran dalam Taksonomi Bloom semakan Anderson menunjukkan tahap pemikiran mengingat dan memahami dikelaskan sebagai Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR). Manakala tahap pemikiran yang dikategorikan sebagai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merujuk kepada kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta seperti Jadual 22.

**Jadual 22: Tahap Pemikiran**

Tahap Pemikiran		Penerangan
KBAT	Mencipta	<ul style="list-style-type: none"><li>Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif</li></ul>
	Menilai	<ul style="list-style-type: none"><li>Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi</li></ul>
	Menganalisis	<ul style="list-style-type: none"><li>Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan</li></ul>
	Mengaplikasi	<ul style="list-style-type: none"><li>Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara</li></ul>

Tahap Pemikiran		Penerangan
KBAR	Memahami	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingat semula maklumat dan boleh menjelaskan idea dan konsep</li> </ul>
	Mengingat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengingat semula maklumat, fakta, atau konsep</li> </ul>

KBAT boleh diaplikasikan di dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk penaakulan, penyelesaian masalah, pembelajaran inkuiri, projek dan lain-lain. Melalui perancangan aktiviti sebegini, bimbingan daripada guru mampu menggalakkan murid meningkatkan amalan berfikir menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran serta penyoalan aras tinggi di dalam dan di luar bilik darjah. Murid akan lebih bertanggungjawab atas pembelajaran mereka sendiri.

## Peningkatan Keupayaan Murid Melalui Pelaksanaan KBAT

Inisiatif KBAT adalah satu usaha berterusan KPM untuk melahirkan insan yang seimbang dan bertanggungjawab terhadap kemakmuran negara. Pemupukan dan pembudayaan KBAT dapat membantu murid melakukan operasi pemikiran seperti membuat analisis dan inferens yang seterusnya dapat meningkatkan kefahaman serta meningkatkan prestasi pencapaian mereka. Selaras dengan itu, setiap murid yang dihasilkan diharapkan memperbaiki kelemahan diri serta mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai secara terurus dalam kehidupan.

Murid yang menguasai KBAT juga mampu menghadapi cabaran dan berani mengambil risiko untuk mencuba penyelesaian yang baru. Pemupukan KBAT mendorong murid untuk membuat kesimpulan berdasarkan secara logik, mempunyai bukti berasaskan bacaan dan penyelidikan yang dibuat. Murid juga dapat membuat ramalan berdasarkan sebab dan akibat serta memberikan cadangan penyelesaian dengan ciptaan idea yang rasional.

Selaras dengan itu, KPM telah menggariskan Profil Murid yang perlu ada untuk murid berupaya bersaing pada peringkat global seperti di Jadual 23.

**Jadual 23: Profil Murid**

	<b>Profil Murid</b>	<b>Penerangan</b>
<b>1.</b>	<b>Berdaya tahan</b>	Murid mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi dan empati.
<b>2.</b>	<b>Pemikir</b>	Murid berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Murid

	<b>Profil Murid</b>	<b>Penerangan</b>
		berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Murid menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Murid berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru.
3.	<b>Mahir berkomunikasi</b>	Murid menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
4.	<b>Kerja sepasukan</b>	Murid boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Murid menggalas tanggungjawab bersama-sama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Murid memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif. Ini menjadikan murid pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
5.	<b>Bersifat ingin tahu</b>	Murid membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Murid mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Murid menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
6.	<b>Bermaklumat</b>	Murid mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi

	<b>Profil Murid</b>	<b>Penerangan</b>
		pelbagai disiplin pengetahuan. Murid meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Murid memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
<b>7.</b>	<b>Prihatin</b>	Murid menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Murid komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
<b>8.</b>	<b>Patriotik</b>	Murid mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KPM berhasrat memastikan setiap murid mencapai potensi diri sepenuhnya seperti yang telah diterjemahkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penerapan KBAT di sekolah diharapkan dapat melahirkan generasi yang pantas menerima perubahan, mampu berkomunikasi serta bekerja secara sepasukan serta dapat membuat refleksi berdasarkan penaakulan sekali gus berupaya untuk berinovasi serta mencipta sesuatu yang baharu.



# **ELEMEN MERENTAS KURIKULUM**



# BAB 4

## ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (p&p) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen merentas kurikulum dalam KBSR dan KBSM masih digunapakai dalam pelaksanaan KSSR dan KSSM. Antara elemen merentas kurikulum seperti berikut:

### 1. BAHASA

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa p&p bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

### 2. SAINS DAN TEKNOLOGI

- Menambahkan minat terhadap sains dan dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam p&p mengandungi empat perkara iaitu:
  - i. Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi)
  - ii. Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu)
  - iii. Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan)
  - iv. Penggunaan teknologi dalam aktiviti p&p.

### **3. TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (TMK)**

- Penerapan elemen TMK dalam p&p memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan p&p lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

### **4. NILAI MURNI**

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan akan menjadi amalan dalam kehidupan harian.

### **5. PATRIOTISME**

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

### **6. KREATIVITI DAN INOVASI**

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad 21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam p&p bagi membangun dan mengembangkan potensi kreativiti mengikut keupayaan murid.

## **7. KEUSAHAWANAN**

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam p&p melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

## **8. PENDIDIKAN KEWANGAN**

- Penerapan elemen pendidikan kewangan bertujuan membentuk dan memastikan semua murid di Malaysia dilengkapi dengan pendidikan kewangan yang komprehensif.
- Pendidikan Kewangan merupakan satu proses yang membolehkan pengguna kewangan meningkatkan pemahaman mereka mengenai produk, konsep dan risiko kewangan dan melalui maklumat, panduan dan atau nasihat yang betul, dapat membangunkan kemahiran dan keyakinan untuk menjadi lebih arif mengenai risiko dan peluang serta dapat membuat pilihan yang bijak, mengetahui saluran bagi mendapatkan bantuan, dan mengambil tindakan yang berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka.
- Antara elemen kewangan berhemat yang diterapkan adalah seperti peranan wang, sumber pendapatan dan kerjaya, pengurusan dan perancangan kewangan, simpanan dan pelaburan, pengurusan kredit dan hutang serta perlindungan insurans.

## **9. KESELAMATAN JALANRAYA**

- Melahirkan generasi pengguna jalan raya yang mengamalkan budaya selamat, beradab, berhemah dan berhati-hati di jalan raya.
- Membentuk generasi pengguna jalan raya yang berhemah boleh menyumbang kepada keharmonian, kemakmuran dan pembangunan negara.
- Menambah pengetahuan untuk mengamalkan kemahiran keselamatan jalan raya dari seawal sekolah rendah hingga ke sekolah menengah sebagai proses pendidikan sepanjang hayat.
- Memupuk sikap menyayangi dan memelihara keselamatan diri serta menghormati hak pengguna jalan raya yang lain.

## 10. KELESTARIAN GLOBAL

- Kelestarian Global merangkumi tiga elemen iaitu:
  - Penggunaan dan Pengeluaran Lestari,
  - Kewarganegaraan Global,
  - Perpaduan.
- Kelestarian Global diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran secara langsung dan sisipan.
- Kelestarian Global bertujuan untuk mendedahkan murid kepada isu-isu semasa yang mencabar di peringkat tempatan, negara dan global. Kesedaran tentang perkembangan dunia yang berkaitan alam sekitar, ekonomi, keselamatan, perpaduan, kesihatan, penghayatan nilai seperti patriotik, integriti, empati, bertanggungjawab dan menghormati hak orang lain perlu didedahkan kepada murid agar murid dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk menghadapi dunia global dan menjadi *global player* secara lebih berkesan.
- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui p&p semua mata pelajaran bagi membentuk etika murid untuk menghargai alam.

**STRATEGI  
PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN**



# BAB 5

## STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menyarankan kepelbagaian strategi p&p untuk menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan, berkesan dan sesuai dengan keperluan murid yang pelbagai latar belakang dan kebolehan. Strategi p&p merujuk kepada pengaplikasian pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik. Kepelbagaian strategi p&p ini membolehkan guru menyalurkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan menerapkan nilai yang dihasratkan dalam kurikulum. Tujuannya adalah untuk melahirkan murid yang seimbang, kritis, kreatif dan inovatif.

Perancangan strategi p&p perlu mengambilkira kepelbagaian gaya pembelajaran murid, kaedah/fokus pentaksiran, kesesuaian bahan serta fleksibiliti persekitaran pembelajaran.

### 5.1 Prinsip dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Penekanan kepada prinsip-prinsip dalam proses p&p seperti berikut membantu guru merangka pelajaran yang membolehkan murid memperoleh ilmu pengetahuan, mengembangkan daya kreativiti, mengaplikasi pelbagai kemahiran dan mengamalkan nilai murni.

#### Prinsip-prinsip dalam proses pengajaran dan pembelajaran

1. Memilih strategi pengajaran yang dapat meningkatkan pemahaman murid
2. Memahami cara murid belajar untuk membantu memilih strategi yang sesuai
3. Menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan relevan
4. Menggalakkan penglibatan murid secara aktif
5. Memberi peluang kepada murid untuk meneroka potensi diri
6. Melatih murid menguasai kemahiran belajar dan kemahiran berfikir
7. Membantu murid mencapai standard yang ditetapkan
8. Membimbing murid mengakses maklumat daripada pelbagai sumber
9. Membimbing murid meneroka pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
10. Membuat penilaian berterusan
11. Menggalakkan amalan patriotisme dan perpaduan
12. Menggalakkan amalan nilai murni

## 5.2 Pelbagai Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

Strategi p&p yang disarankan dalam KSSM adalah berpusatkan murid, bersepadu, menyeronokkan dan menekankan perkembangan kemahiran berfikir dan kemahiran insaniah. Beberapa contoh strategi p&p ini diterangkan secara ringkas dalam bab ini.

### Strategi Pengajaran

- Berpusatkan murid
- Bersepadu
- Menyeronokkan
- Kemahiran berfikir
- Kemahiran insaniah

Antara kaedah dan teknik yang disarankan untuk p&p di bilik darjah adalah seperti yang berikut.

Kaedah Didik Hibur	
<p><b>Apakah yang dikatakan teknik Didik Hibur?</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Didik Hibur bermaksud mendidik sambil menghibur.</li><li>• Bersifat santai dan menyeronokkan di bawah keadaan terkawal.</li><li>• Memberi peluang kepada murid-murid untuk belajar dalam keadaan yang menyeronokkan.</li><li>• Menggunakan pelbagai jenis aktiviti yang menarik dan bermakna seperti penyelesaian masalah, kerja projek, berlakon, simulasi, gerakan badan, menyanyi.</li><li>• Tiada unsur menang, kalah, ganjaran atau dendaan semasa p&amp;p.</li><li>• Aktiviti berkumpulan atau berpasangan untuk mewujudkan semangat kerja berpasukan, kerjasama dan toleransi.</li><li>• Murid bebas bersuara, mengeluarkan pendapat dan idea.</li></ul> <p><b>Apakah faedahnya?</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mengurangkan tahap kebimbangan dan ketakutan murid kepada guru, justeru murid sentiasa berada dalam keadaan pembelajaran yang positif dan tertunggu-tunggu untuk sesi pembelajaran yang berikutnya.</li><li>• Memberi peluang kepada kanak-kanak mengembangkan potensi intelek, jasmani, emosi dan sosial.</li></ul>	<p><b>Bagaimanakah melaksanakan kaedah Didik Hibur?</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Memilih aktiviti yang sesuai untuk mencapai objektif pembelajaran.</li><li>• Menerangkan tujuan aktiviti.</li><li>• Menunjuk cara atau kaedah menjalankan aktiviti.</li><li>• Membimbing dan mengawasi murid semasa aktiviti.</li><li>• Membuat rumusan selepas aktiviti.</li></ul> <ul style="list-style-type: none"><li>- Nyanyian</li><li>- Teka-teki</li><li>- Bercerita</li><li>- Lakonan</li><li>- Berpantun</li><li>- Meneka benda dalam beg</li><li>- Mencantum gambar</li><li>- Mencari benda tersembunyi dalam gambar</li><li>- Permainan silang kata</li><li>- Permainan lain</li></ul>

## Kaedah Penyelesaian Masalah

### Apakah yang dikatakan kaedah Penyelesaian Masalah?

- Guru merancangkan p&p berkisar atas masalah termasuk situasi autentik yang menyerupai masalah dalam kehidupan seharian.
- Pembelajaran dihasilkan daripada proses mengerjakan ke arah pemahaman dan penyelesaian suatu masalah.
- Murid menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah mereka pelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan.

### Apakah faedahnya?

- Menggalakkan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.
- Mendedahkan murid dengan pelbagai pengalaman pembelajaran untuk menyelesaikan masalah.

### Bagaimanakah melaksanakan kaedah Penyelesaian Masalah?

- Memberikan tugas / soalan kepada murid
- Membimbing murid mengenal pasti dan memahami masalah
- Berbincang dengan murid tentang pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah
- Membimbing murid mencari maklumat untuk menyelesaikan masalah
- Memastikan murid sendiri menyelesaikan masalah
- Menyemak cara penyelesaian masalah dan jawapan.

## Pembelajaran Berasaskan Projek

### Apa yang dikatakan Pembelajaran Berasaskan Projek?

- Melibatkan murid untuk mengkaji secara mendalam sesuatu isu/topik, menyiasat isu/topik tersebut dan menghasilkan sesuatu produk. Produk tersebut boleh dalam pelbagai bentuk seperti objek, laporan, persembahan, hasil kerja tangan.
- Penilaian dijalankan secara berterusan ke atas proses kerja, hasil kerja, sikap dan nilai yang ditunjukkan oleh murid, perkembangan atau kualiti pembelajaran murid
- Murid terlibat secara aktif dalam menghasilkan sesuatu produk sama ada secara persendirian atau berkumpulan.

### Bagaimanakah melaksanakan kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek?

- Memberi tajuk projek kepada murid.
- Membimbing murid untuk mengenal pasti kaedah menyiapkan projek yang diberikan.
- Membimbing murid untuk mengenal pasti bahan, peralatan dan kos yang diperlukan.
- Menentukan jangka masa menyiapkan projek.
- Membimbing murid menyelesaikan projek.
- Membentangkan hasil projek.
- Membuat refleksi tentang proses penghasilan projek.

## Pembelajaran Koperatif

### Apakah yang dikatakan kaedah Pembelajaran Koperatif?

- Kaedah p&p dalam kumpulan yang membolehkan murid belajar bersama-sama, dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan tugas yang diberi.
- Ahli kumpulan bekerja untuk mencapai matlamat sendiri dan matlamat kumpulan.
- Ahli kumpulan berkongsi idea, bahan dan peralatan.
- Menghasilkan satu tugas berkumpulan dan setiap ahli mendapat ganjaran/markah yang sama.
- Mewujudkan interaksi antara murid, kerjasama antara ahli kumpulan dan

## Pendekatan Inkuiri

### Apakah yang dikatakan pendekatan Inkuiri

- Kaedah yang memerlukan murid berdikari untuk mencari maklumat dan menemui sesuatu melalui kaedah penyiasatan saintifik yang merangkumi aktiviti merancang, menyiasat, menganalisis dan menemui.
- Pendekatan ini bukan hanya untuk mata pelajaran sains, tetapi sesuai untuk semua mata pelajaran kerana ia melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi di mana murid membina sesuatu konsep itu sendiri
- Pendekatan tematik, koperatif, luar bilik darjah boleh menggunakan pendekatan inkuiri dalam pelaksanaannya
- Meningkatkan rasa ingin tahu dan memotivasikan murid untuk meneruskan tugas sehingga mendapat jawapan.

### Bagaimanakah melaksanakan pendekatan Inkuiri

Mengenal pasti topik kajian (Guru mewujudkan stimulus yg dpt menarik minat murid ke arah menimbulkan rasa ingin tahu)



Menerangka tujuan kajian



Membimbing murid merancang dan melaksanakan kajian



Murid mengumpul maklumat yang berkaitan , mengkaji dan menganalisis maklumat



Berbincang dengan murid tentang dapatan kajian. (sekiranya murid tidak dpt menerangkan dapatan kajian, guru perlu membimbing dengan mengemukakan soalan yang menjurus ke arah pembinaan konsep oleh murid itu sendiri)



Murid Membuat generalisasi atau rumusan

## Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD)

### Apakah yang dikatakan kaedah Pembelajaran Luar Bilik Darjah?

- Aktiviti p&p yang dilaksanakan di luar bilik darjah (termasuk dalam dan luar kawasan sekolah) secara terancang dan berstruktur serta berpusatkan murid.
- Dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari semasa di dalam bilik darjah, memberi pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan.
- Perancangan kaedah dan jenis maklumat yang akan dikumpulkan semasa PLBD perlu dilakukan sebelum PLBD.

### Contoh Aktiviti PLBD

- Lawatan
- Kerja lapangan

## Bagaimanakah melaksanakan kaedah PLBD?

### Sebelum Aktiviti

Menentukan tempat, tarikh, masa dan peralatan



Mendapatkan kebenaran pengurusan tempat yang akan dilawati (jika perlu)



Mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga



Menguruskan pengangkutan (jika perlu)



Memberi penerangan/taklimat tentang tujuan dan tatacara aktiviti serta jenis maklumat dan kaedah pengumpulan maklumat yang akan dilakukan semasa PLBD

### Semasa Aktiviti

Membahagikan murid kepada kumpulan



Mengawasi keselamatan murid



Membimbing murid mendapatkan maklumat



Memastikan murid membuat tugas (contohnya: mencatat, menemu bual, mengambil gambar)

### Selepas Aktiviti

Berbincang tentang hasil aktiviti



Membimbing murid merumus hasil aktiviti



Membimbing murid membuat laporan aktiviti



Menggalakkan murid membuat aktiviti lanjutan (seperti menghasilkan brosur dan buletin, mengadakan pameran, membuat persembahan hasil aktiviti)

## Kaedah Pengajaran Bertema

### Apakah yang dikatakan kaedah Pengajaran Bertema?

- Kaedah pengajaran yang menggunakan tema untuk perbincangan dalam kelas atau kumpulan.
- Semasa p&p, tema boleh dipecahkan kepada topik dan/atau subtopik untuk dibincangkan oleh kumpulan murid pelbagai kebolehan atau kumpulan murid mengikut kebolehan.

### Contoh:

Tema : Pencemaran Alam

Kumpulan 1 – berbincang tentang topik pencemaran udara.

Kumpulan 2 – berbincang tentang topik pencemaran air.

Kumpulan 3 – berbincang tentang topik pencemaran darat.


Perkara yang dibincangkan:

- Contoh pencemaran
- Punca
- Akibat
- Cara mengatasi

Dapatan dibentangkan oleh wakil kumpulan supaya semua murid dapat menghayati hasil perbincangan dan membuat rumusan dengan lebih tepat dan lengkap.

## Pendekatan STEM

Pendekatan STEM melibatkan pengaplikasian pengetahuan, kemahiran dan nilai STEM untuk menyelesaikan masalah dalam konteks kehidupan harian, masyarakat dan alam sekitar seperti dalam Rajah 2.




Rajah 2: STEM Sebagai Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran

Pendekatan ini menggalakkan murid bertanya dan meneroka persekitaran mereka melalui inkuiri dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan dunia sebenar ke arah membudayakan amalan STEM.

### CIRI- CIRI P&P STEM

Tujuh ciri p&p STEM dikenalpasti bagi membimbing guru melaksanakan p&p STEM di sekolah. Guru harus mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai mata pelajaran tersebut untuk menyelesaikan sesuatu tugas atau masalah dalam konteks kehidupan harian, masyarakat dan alam sekitar seperti di Rajah 3.



Rajah 3: Ciri-ciri Pengajaran dan Pembelajaran STEM

# **PENTAKSIRAN SEKOLAH**



# BAB 6

## Pentaksiran Sekolah

Pentaksiran Sekolah (PS) merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru sekolah yang berkenaan. Proses ini berlaku secara berterusan dengan menggunakan kaedah formatif dan sumatif secara formal atau informal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperolehi dari PS akan digunakan oleh pihak sekolah dan ibu bapa dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

### 6.1 Tujuan Pentaksiran Sekolah

PS dilaksanakan bertujuan seperti berikut:

- Pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*)
- Pentaksiran semasa pembelajaran (*assessment as learning*)
- Pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*).

Pentaksiran untuk pembelajaran:

Pentaksiran untuk pembelajaran merupakan sebahagian daripada p&p dan maklumat yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti pentaksiran boleh digunakan untuk menambahbaik dan membentuk proses p&p yang seterusnya.

Pentaksiran semasa pembelajaran:

Pentaksiran yang dilakukan secara berterusan semasa didalam bilik darjah dan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti pemerhatian, lisan, hasil kerja murid dan lain-lain.

Pentaksiran tentang pembelajaran:

Pentaksiran tentang pembelajaran bermaksud proses pengumpulan maklumat untuk mengesan tahap pencapaian murid secara keseluruhan setelah murid selesai mengikuti sesuatu kursus, unit pembelajaran atau program dalam tempoh yang ditetapkan.

## **6.2 Kepentingan Pentaksiran Sekolah**

### **Kepentingan Kepada Murid**

- Mengetahui kekuatan dan kelemahan dalam pembelajaran
- Memperbaiki kelemahan dalam pembelajaran
- Mengukuhkan pembelajaran untuk mencapai tahap penguasaan lebih tinggi

### **Kepentingan Kepada Ibubapa**

- Mengetahui perkembangan anak secara menyeluruh
- Mengetahui potensi, kekuatan dan kelemahan anak
- Mengenal pasti pencapaian anak dalam pembelajaran dari semasa ke semasa
- Membantu anak dalam pembelajaran berdasarkan maklumat pentaksiran

### **Kepentingan Kepada Guru**

- Mengesan perkembangan murid secara menyeluruh
- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran dari semasa ke semasa
- Mengetahui keberkesanan pengajaran
- Merancang dan mengubahsuai pengajaran
- Menjalankan tindakan susulan yang wajar

### **Kepentingan Kepada Pentadbir Sekolah**

- Mengetahui perkembangan murid secara keseluruhan
- Mengetahui keberkesanan proses p&p guru mata pelajaran
- Merancang program peningkatan murid
- Memantau pelaksanaan tindakan susulan

### **6.3 Perekodan dan Pelaporan Pentaksiran Sekolah**

Perekodan ialah proses merekod perkembangan pembelajaran murid setelah guru melaksanakan pentaksiran. Guru menentukan perkembangan pembelajaran murid berdasarkan tahap penguasaan yang diperjelaskan dalam standard prestasi. Tahap penguasaan murid direkodkan dengan menggunakan templat perekodan PS secara luar talian (*offline*).

Hasil yang diperolehi daripada perekodan itu akan dijadikan sebagai maklumat untuk tujuan pelaporan PS berbentuk formatif. Namun begitu pelaporan PS hendaklah berbentuk sumatif dan formatif.

Pihak sekolah boleh menetapkan format pelaporan mengikut kesesuaian untuk menyampaikan laporan bertulis berkenaan dengan tahap pencapaian dan perkembangan pembelajaran murid.



# **PENGURUSAN KURIKULUM**



# BAB 7

## PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN KURIKULUM

### 7.1 PERANCANGAN

#### Perancangan Strategik Pelaksanaan KSSM

Pentadbir sekolah perlu menyediakan perancangan strategik untuk memastikan KSSM dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat pendidikan seperti yang dihasratkan.

Perancangan strategik memperincikan perancangan untuk mendaya upaya semua usaha menerusi pelbagai strategi, pendekatan dan taktik khususnya ke arah mencapai misi dan visi sekolah. Memandangkan pelaksanaan KSSM merupakan nadi kepada operasi pendidikan, maka perancangan strategik sekolah perlu memuatkan perancangan melaksana KSSM untuk mencapai hasrat melahirkan insan seimbang yang mempunyai pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan agar sistem pendidikan negara mampu melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Pengurusan sekolah hendaklah merangka strategi jangka pendek dan jangka panjang untuk mencapai hasrat kemenjadian murid sebagaimana yang dihasratkan dalam KSSM. Rancangan jangka pendek dan jangka panjang yang berkenaan wajar menetapkan strategi-strategi pelaksanaan kurikulum, kokurikulum dan sokongan lain, termasuklah juga penglibatan komuniti, swasta dan sarana ibubapa.

Faktor kritikal dan menjadi fokus dalam perancangan strategik pelaksanaan KSSM hendaklah ditumpukan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Menyampaikan standard kandungan dan standard pembelajaran untuk memastikan murid mendapat pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dihasratkan;
- (ii) Melaksanakan pedagogi yang berasaskan inkuiri perlu digunakan supaya keberkesanan p&p dicapai dan pendidikan di sekolah memberi kesan maksimum dan mempunyai makna dalam kehidupan murid;
- (iii) Melaksanakan pentaksiran sekolah supaya maklumat prestasi murid dapat digunakan untuk membina strategi dan tindakan bagi mempertingkatkan pencapaian dan perkembangan pembelajaran murid.
- (iv) Mengemaskini bahan sumber dan prasarana di sekolah agar mampu memenuhi keperluan pelaksanaan KSSM.

Latihan dalaman perlu dirangka secara teliti dalam perancangan strategik supaya dapat memenuhi keperluan peningkatan profesionalisme guru yang akan menjadi personel utama menjayakan pelaksanaan KSSM. Justeru peranan setiap panitia mata pelajaran amat penting untuk menggerakkan pelaksanaan latihan dalaman.

Komuniti Pembelajaran Profesional (Professional Learning Community - PLC) pula hendaklah dirancang dengan jelas untuk membina budaya pembelajaran di sekolah. PLC harus digerakkan peranannya bagi membantu meningkatkan kualiti guru dari semasa ke semasa selari dengan PPPM 2013-2025.

PLC membantu guru untuk menterjemahkan kurikulum dalam p&p. Selain itu, aktiviti kolaboratif antara pihak berkepentingan dengan pihak sekolah diadakan bagi memantapkan penyampaian pendidikan ke arah meningkatkan pencapaian murid.


## **7.2 PELAKSANAAN**

Pelaksanaan kurikulum yang berkesan di peringkat sekolah sangat penting bagi memastikan pembinaan modal insan yang holistik yang mempunyai ciri-ciri yang memenuhi enam aspirasi murid seperti yang tersebut dalam PPPM 2013 – 2035. Murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai secara bersepadu.

Bagi memastikan kurikulum dilaksanakan secara berkesan pentadbir haruslah mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kurikulum sekolah. Pengurusan kurikulum melibatkan proses merancang, mengorganisasi, memimpin, membimbing, memantau dan menilai pelaksanaan kurikulum persekolahan dengan menggunakan segala sumber bagi mencapai hasrat kurikulum yang ditetapkan. Pengurusan kurikulum yang berkesan akan memastikan kemenjadian murid seperti yang termaktub dalam FPK.

Pengurusan kurikulum di peringkat sekolah diterajui oleh Guru Besar dan dibantu oleh Guru Penolong Kanan, Ketua Panitia dan guru. Permuafakatan semua pihak di sekolah adalah penting untuk memastikan pengurusan pelaksanaan kurikulum dengan lebih berkesan.


Struktur pengurusan kurikulum di sekolah adalah seperti Rajah 4 di bawah:



Rajah 4: Struktur Pengurusan Kurikulum Sekolah

Peranan pengurus kurikulum di sekolah diterangkan seperti dalam Rajah 5, 6, 7 dan 8 di bawah:

### Peranan Pengetua




Rajah 5: Peranan Pengetua

## Peranan Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum




Rajah 6: Peranan Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum

## Peranan dan tanggungjawab Ketua Panitia



Rajah 7: Peranan Ketua Bidang/Panitia


## Peranan dan Tanggungjawab Guru



Rajah 8:Peranan Guru

## Jawatankuasa Kurikulum Sekolah

Setiap sekolah harus mempunyai jawatankuasa kurikulum untuk menyelaraskan segala dasar kurikulum. Contoh struktur dan fungsi jawatankuasa kurikulum sekolah ditunjukkan seperti Rajah 9 dan Rajah10 di bawah:



Rajah 9: Struktur Jawatankuasa Kurikulum Sekolah

## **FUNGSI JAWATANKUASA KURIKULUM SEKOLAH**

Jawatankuasa ini memainkan peranan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum di peringkat sekolah. Kejayaan pelaksanaan kurikulum bergantung kepada pengurusan yang cekap, bersistematik dan berkesan. Sumber tenaga, kewangan, masa dan kemudahan seharusnya diuruskan dan digunakan sebaik mungkin. Pengurusan jawatankuasa kurikulum yang berkesan akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, menyeronokkan, bermakna dan ini akan meningkatkan kecemerlangan akademik sekolah.

Rajah 10: Fungsi Jawatankuasa Kurikulum Sekolah

### **7.3 PEMANTAUAN PELAKSANAAN KURIKULUM**

Pemantauan perlu dijalankan untuk mendapatkan input pelaksanaan kurikulum dan keberkesanan p&p bagi tujuan penambahbaikan. Pemantauan dilaksanakan dengan menggunakan instrumen seperti soal selidik, temu bual, senarai semak dan pemerhatian.

# **PENUTUP**



## PENUTUP

KSSM digubal dengan matlamat untuk membangun dan mengembangkan potensi serta kompetensi individu yang diperlukan bagi melahirkan warganegara yang berilmu, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berupaya memberisumbangan kepada keluarga, masyarakat, negara serta berdaya saing di peringkat global. Pendidikan peringkat menengah rendah memberi tumpuan kepada pendidikan umum yang bersifat holistik menerusi pelaksanaan mata pelajaran teras, wajib dan tambahan. Pada peringkat menengah atas pula, kurikulum digubal bagi memberi murid peluang menjurus kepada pengkhususan berdasarkan minat, bakat dan kebolehan murid dalam bidang akademik, agama, teknikal, vokasional, sukan dan seni. Pengkhususan ini sesuai dengan keperluan pendidikan tertiar dan pendidikan ke arah kerjaya bagi memenuhi keperluan sumber tenaga manusia negara.

Perancangan dan pelaksanaan yang sistematik serta bersepadu dapat menjamin kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan KSSM. Pemantauan dan penilaian secara berterusan menuntut semua pihak menggembleng usaha dan peranan bagi mencapai matlamat yang dihasratkan. Sehubungan dengan itu, semua pihak berkepentingan dalam pendidikan mesti memberikan sokongan, kerjasama dan komitmen sepenuhnya bagi merealisasikan hasrat KSSM.



# **RUJUKAN**



## **RUJUKAN**

- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013).*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Pra Sekolah hingga Lepas Menengah)*(Bab 1 – 4). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2009).*Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pelajaran Malaysia 1969 -2009 Pentadbiran dan Hal Ehwal Murid*. Putrajaya: Majlis Buku Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2009).*Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pelajaran Malaysia 1969 – 2009 Kurikulum dan Kokurikulum*. Putrajaya: Majlis Buku Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014).*Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi Di Sekolah*(ms.3-10). Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014).*Dasar Pembangunan Kurikulum Kebangsaan*(Bab 4-8). Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Persatuan Penerbit Buku Malaysia (2013).*Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)* (ms. 131-148).Selangor: International Law Book Services.





ISBN 978-967-420-092-3



9 789674 200923

Kementerian Pendidikan Malaysia  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917  
<http://www.moe.gov.my/bpk>

KSSM

KSSM

KSSM

KSSM